

STATISTIK KERATAN AKHBAR JUN 2023

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	LTDIPT BUKA TIRAI BABIT 16 PASUKAN	BERITA HARIAN MS 47	17/06/2023	KPT
2	KPT MAHU SEMUA IPT MARTABATKAN BAHASA MELAYU	BERITA HARIAN MS 05	17-Jun-23	KPT
3	PERGINYA MAHMOOD ZUHDI CENDIKIAWAN AGAMA TERSOHOR	SINAR HARIAN MS 12	19/06/2023	RENCANA
4	KIKIS IMEJ POLITEKNIK SEBAGAI PILIHAN KEDUA	BERITA HARIAN MS 20	19/06/2023	POLITEKNIK
5	BAYARAN ELAUN RENDAH LATIHAN INDUSTRI DITELITI	BERITA HARIAN MS 13	19-Jun-23	KPT
6	KPT TIADA HALANGAN BENARKAN PELARIAN ROHINGYA LANJUT PELAJARAN	BERITA HARIAN MS 04	21-Jun-23	KPT
7	JPA TELITI SEMULA PINDAAN AKTA PELARASAN PENCEN	BERITA HARIAN MS 05	29/06/2023	SEMASA
8	PENGHAMBAAN DAN TAKWA UKURAN KEMULIAAN DI SISI ALLAH	HARIAN METRO MS 15	29-Jun-23	AGAMA

JUMLAH KESELURUHAN : 8

Bayaran elaun rendah latihan industri diteliti

B/H 19 Jun 2023 M 13

Menteri gesa kerajaan beri perhatian selesai segera isu

Oleh Ahmad Hasbi
bhnews@bh.com.my

Seremban: Kementerian Sumber Manusia akan meneliti isu bayaran atau elaun kepada pelajar IPT yang menjalani latihan industri yang didakwa terlalu rendah, malah ada syarikat tidak memberikan elaun langsung.

Menterinya, V Sivakumar berkata, beliau tidak bersetuju dengan keadaan berkenaan dan akan memberi perhatian serius.

"Bagi saya, perkara ini perlu diberikan perhatian serius oleh kerajaan. Perkara ini juga sudah dibangkitkan pada International Labour Conference (ILC) supaya memberi pertimbangan sewajarnya di seluruh dunia.

"Pelatih industri tidak boleh dianggap buruh percuma. Kita akan meneliti perkara ini dan saya akan beri maklum balas dalam masa terdekat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas isu bayaran pelajar



Seorang pelajar universiti menyuarakan rasa tidak puas hati dengan memakai plakad bertulis, 'Intern bukan buruh percuma'.

(Foto Twitter @youngaljunied)

praktikal susulan laporan mengenai seorang penuntut universiti awam yang menyuarakan kebimbangan untuk bertahan sepanjang menjalani latihan industri Oktober ini.

Ada syarikat tak beri elaun

Menurut laporan, seorang penuntut wanita itu menyifatkan mereka bukan buruh percuma, serta

menyuarakan pandangannya selepas melihat permohonan latihan industri menawarkan elaun dengan jumlah yang kecil, malah ada yang tidak memberi elaun langsung.

Isu berkenaan tular di laman sosial dengan seorang wanita memuat naik gambarnya sambil memegang plakad bertulis 'intern bukan buruh percuma' dan

Pelatih industri tidak boleh dianggap buruh percuma. Kita akan meneliti perkara ini dan saya akan beri maklum balas dalam masa terdekat

V Sivakumar,
Menteri
Sumber
Manusia



dikatakan menyuarakan bantahannya dengan membawa sepanduk itu di sekitar kampus.

Bantahan pelajar jurusan pengajian antarabangsa dan strategik itu mendapat sokongan ramai pelajar lain, termasuk pensyarahnya sendiri.

Ramai pelajar yang menjalani latihan industri dikatakan berdepan cabaran kewangan kerana perlu menanggung kos pengangkutan, makanan dan tempat tinggal.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: JPA TELITI SEMULA PINDAAN AKTA PELARASAN PENCEN

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 05

TARIKH : 29/06/2023

BH Khamis, 29 Jun 2023

Nasional

JPA teliti semula pindaan Akta Pelarasan Pencen

Jabatan minta pandangan AGC selepas mahkamah putuskan tak sah

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan meneliti semula pindaan seksyen 3 dan 7 Akta Pelarasan Pencen (Pindaan) 2013 yang diputuskan tidak sah dan batal oleh Mahkamah Persekutuan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Dr Zulkapli Mohamad, berkata pihaknya akan bermesyuarat dengan Pejabat Peguam Negara (AGC) minggu depan bagi mendapatkan pandangan lanjut perkara itu.

"Perkara ini sudah diangkat la-

ma (dalam mahkamah), cuma apabila sudah ada keputusan mahkamah, kita akur, maknanya sejak perkara itu sudah diputuskan tidak selari dengan Perlembagaan Persekutuan, jadi mungkin kita mengguna pakai akta yang lama.

"Cuma kita nak tengok terlebih dahulu, AGC akan bagi pandangan minggu depan kepada kami untuk kita melihat semula dan kita kena tunggu dahulu sebab ini ada implikasi kewangan dan kita mesti mendapatkan pandangan AGC terlebih dahulu," katanya kepada BH, semalam.

Kurang beri manfaat

Mahkamah Persekutuan kelmarin memutuskan pindaan terhadap Seksyen 3 dan 7 Akta Pelarasan Pencen (Pindaan) 2013 kurang memberi manfaat kepada

pesara perkhidmatan awam, justeru mengisytiharkannya sebagai terbatal dan tidak sah.

Panel lima Hakim Mahkamah Persekutuan sebulat suara turut memutuskan bahawa peruntukan berkenaan yang membenarkan kenaikan kadar rata sebanyak dua peratus setiap tahun, bercanggah Perkara 147 Perlembagaan Persekutuan (perlindungan hak pencen) berbanding Akta Pelarasan Pencen 1980 sebelum ini.

Sehubungan itu, panel yang dipimpin Presiden Mahkamah Rayuan, Tan Sri Abang Iskandar Abang Hashim menolak rayuan kerajaan dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang mengisytiharkan pindaan terbabit sebagai terbatal dan tidak sah.

Mahkamah Persekutuan ber-

pendapat Mahkamah Rayuan membuat keputusan betul dalam kekal status quo Seksyen 3 dan 6 iaitu sebelum pindaan 2013.

Pindaan yang dibuat pada Seksyen 3 dan 7 akta itu menyebabkan Aminah Ahmad selaku responden yang juga seorang pesara penjawat awam di Kementerian Luar mengalami situasi yang kurang memberi manfaat terhadapnya.

Zulkapli berkata, susulan keputusan mahkamah itu juga, pihaknya akan meneliti semula sama ada perlu melakukan penyesuaian membabitkan pentadbiran sahaja atau menerima pakai keseluruhan Akta Pelarasan Pencen 1980.

"Apabila kita mula melaksanakan pindaan itu, ada pihak yang mendapat manfaat banyak, ada pihak yang tertinggal.

"Jadi kita kena susun semula sama ada penyesuaian pentadbiran sahaja atau sekadar kita menerima pakai keseluruhan akta di bawah Akta (Pelarasan) Pencen 1980 itu," katanya.



Zulkapli Mohamad

Pendidikan

Fokus



Isnin,
19 Jun 2023
bhpendidikan@bh.com.my

→ Ikuti lebih berita di www.bharian.com.my

Kikis imej politeknik sebagai pilihan kedua

Kemahiran, teori perlu seiring bagi membantu graduan lebih berdaya saing di pasaran

Oleh Ns Norziela Nashed
bhpendidikan@bh.com.my

Kuala Lumpur: Isunya bukan di mana tempat belajar tetapi bagaimana menggunakan ilmu yang diperoleh untuk berjaya dalam hidup.

Kenyataan itu mungkin tepat untuk menggambarkan kecenderungan sesetengah pihak melewatkan politeknik sebagai 'pilihan kedua' selain institut pengajian itu tidak begitu dipandang tinggi atau setara dengan pengajian di universiti.

Malah baru-baru ini timbul dakwaan pengambilan pelajar politeknik dibuat tanpa mengikut prosedur apabila dilakukan secara datang terus (*walk-in*), susunan institut pengajian itu dikatakan bergelut untuk mencari pelajar baharu.

Hal ini ditambah dengan laporan media yang menyebut pengambilan ke politeknik menyusut 12.8 peratus tahun ini iaitu seramai 80,000 berbanding 100,000 sebelumnya.

Penyusutan itu dikaitkan dengan kurangnya minat pelajar terhadap bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) sekali gus menyebabkan negara bakal berdepan isu kekurangan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam bidang kejuruteraan dan sains.

Bagi alumni Politeknik Sul-

tan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS) Jitra, Kedah, Mohd Imran Kathar Ismail, yang menamatkan pengajian pada 2013 berkata, kelebihan menuntut di politeknik adalah pelajar dididik dengan kemahiran dan teori secara seiring.

Hal ini katanya memberi nilai tambah kepada graduan yang menjadikan mereka lebih mampu bersaing dalam dunia pekerjaan. Graduan Diploma Kejuruteraan itu yang kini memiliki syarikat sendiri, Nurkamal Network Sdn Bhd, berkata minatnya untuk menyambut pengajian ke politeknik didorong oleh suasana persekitaran.

Kata Mohd Imran, keluarganya terbahit dengan bidang berkaitan elektrik menyebabkan beliau melihat pentingnya menguasai kemahiran.

"Pengajian di politeknik mendedahkan kami bukan saja kepada kemahiran tetapi mampu relevan dengan pasaran. "Apabila tamat pengajian dan kemudiannya membuka syarikat sendiri, hampir 80 peratus kakitangan adalah daripada graduan politeknik seluruh negara,"

katanya yang kini memiliki tiga cawangan syarikat pembekal elektrik di Kedah, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

Perlu ubah pandangan

Tegas Mohd Imran, beliau tahu mengenai wujudnya pandangan negatif sesetengah pihak terhadap institusi yang menawarkan kemahiran dan pengajian teknikal. Ia sebenarnya salah faham apatah lagi sesuai dengan peredaran masa, pandangan sebegini harusnya diubah.

"Apa yang boleh dilihat kini, kemahiran dan teori perlu seiring bagi membantu seseorang itu lebih berdaya saing di pasaran.

"Jika dahulu, kebanyakan ibu bapa memasang impian untuk menghantar anak ke universiti awam (UA). Impian itu tidak sahlah, namun sesuai dengan perkembangan semasa, kita lihat bidang kemahiran semakin mendapat permintaan tinggi dalam pasaran pekerjaan.

"Malah sebenarnya saya mullanya pelajar akan tetapi menukar jurusan ketika melanjutkan pengajian ke politeknik kerana minat untuk menguasai kemahi-

ran," katanya.

Sebagai graduan keluaran politeknik, bapa kepada dua cahaya mata itu turut menasihatkan lelpasan Sijil Pelajaran Malaysia untuk tidak berputus asa jika menerima keputusan peperiksaan yang tidak memuaskan. Sebaliknya jadikan ia batu loncatan untuk bangkit kembali menebus kegagalan.

"Apa pun pilihan, mereka tidak boleh untuk melihat melanjutkan pengajian ke institut kemahiran sebagai pilihan terakhir atau 'tada pilihan lain'.

"Hari ini, melanjutkan pengajian dalam bidang TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional), tidak boleh dilihat pilihan terakhir untuk melanjutkan pengajian.

"Sebaliknya, ia perlu dilihat sebagai pilihan utama untuk kerjaya dan masa depan generasi muda. Kini, lepasan TVET atau graduan kemahiran diterima baik dalam industri khususnya dalam bidang keusahawanan dan teknikal," katanya lagi.

Sementara itu Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dalam kenyataan kepada BH menyebut, sehingga Disember tahun lalu, sebanyak 36 buah institusi politeknik seluruh negara dengan enrolmen seramai 77,816 pelajar.

Menurut kenyataan itu, walaupun terdapat pelbagai pandangan mengenai pilihan institusi pengajian, setiap pilihan haruslah bergantung kepada kecenderungan dan sasaran kerjaya pelajar.

Cepat masuk pasaran kerja

Bagaimanapun, bagi anak muda yang ingin cepat masuk ke alam pekerjaan, melanjutkan pengajian ke politeknik adalah pilihan terbaik. Hal ini disebabkan politeknik menawarkan pengajian di peringkat diploma yang memenuhi kehendak industri.

“Ia perlu dilihat sebagai pilihan utama untuk kerjaya dan masa depan generasi muda. Kini, lepasan TVET atau graduan kemahiran diterima baik dalam industri khususnya bidang keusahawanan dan teknikal”

Mohd Imran,
Kathar Ismail,
Alumni
Politeknik
Sultan Abdul
Halim Muadzam
Shah



JPPK menyebut, melalui pelan transformasi Politeknik 2.0 yang akan bakal dilancarkan tidak lama lagi, institusi itu bakal melahirkan graduan berpendapatan premium dengan memenuhi keperluan industri kepada pekerja berkemahiran tinggi dan terlatih.

"Sistem pendidikan politeknik juga akan dimantapkan lagi dengan meningkatkan kemahiran dan latihan kepada pelajar.

"Selain itu politeknik juga turut menekankan penghasilan graduan yang holistik iaitu berciri keusahawanan dan seimbang," katanya.

Untuk rekod, kadar kebolehsasaran Politeknik pada tahun 2022 mencatatkan sebanyak 96.2 peratus dan ia meningkat dari tahun ke tahun.

Selain penawaran program ijazah sarjana muda, diploma dan sijil sedia ada di Politeknik ser-ta Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) kini menawarkan satu lagi program baharu sebagai pendedahan pelajar khususnya lepasan SPM sebelum mereka menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda di Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) yang dikenali sebagai Asasi TVET.

Ketika ini sebanyak lima buah politeknik menawarkan program baharu iaitu Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail, Politeknik Merlimau, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah dan Politeknik Ungku Omar dengan tempoh pengajian selama setahun.

Empat UA yang terbahit dengan MTUN ialah Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan tempoh pengajian selama empat tahun.



KPT mahu semua IPT martabatkan bahasa Melayu

BH 17/6/2023 M.S.S

Gombak: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melancarkan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) 2023-2030.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata pelan itu dibangunkan susulan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPT 2011-2015.

Katanya, pelan itu juga susulan satu Kajian Penggunaan Bahasa di IPTA yang dijalankan pada 2010 yang mendapati nisbah penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam program pengajian IPTA berada pada tahap berbeza-beza merentasi pelbagai disiplin program.

"Dapatan berkenaan meyakinkan KPT bahawa satu intervensi mesti dilakukan. Kita tidak mahu kedudukan bahasa Melayu merosot dan dilihat tidak penting dalam ekosistem pendidikan tinggi.

"Alhamdulillah, sebagai kesinambungan daripada segala usaha tersebut, kita lancarkan pula pelan ketiga yang membawa beberapa penegasan baharu, yang kita harap dapat terus memartabatkan kedudukan bahasa Melayu," katanya.

Beliau yang menyempurnakan pelancaran pelan tindakan itu di Universiti Islam Antara-

bangsa Malaysia (UIAM) pada majlis turut dihadiri Rektor UIAM, Prof Emeritus Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak kelmarin, memaklumkan secara asasnya pelan tindakan itu menyasar empat objektif utama.

Objektif pertama, membudayakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu; kedua, menghasilkan graduan yang berketrampilan dalam bahasa Melayu; ketiga, merealisasikan bahasa Melayu sebagai wadah pembangunan negara dan keempat, memperkukuh peranan bahasa Melayu sebagai sumber rujukan setanding dengan bahasa asing.

"Objektif ini akan diusahakan melalui empat teras, iaitu pertama, pembudayaan bahasa Melayu dalam pengajaran, pembelajaran dan aktiviti kokurikulum. Kedua, pemerkayakan bahasa dan persuratan Melayu di IPTA dan antarabangsa.

"Ketiga, pengukuhan bahasa Melayu di IPTA sebagai wadah pembangunan negara dan yang terakhir, pemerkasaan IPTA dalam pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu," katanya.

Beliau berkata, berasaskan empat teras utama terbabit, KPT sudah menyenaraikan 11 strategi dan 26 inisiatif pelaksanaan bagi IPTA menyokong pelaksanaan pelan tindakan itu, antaranya memantapkan peng-

gunaan bahasa Melayu dalam pembelajaran dan pengajaran.

Dengan pelancaran pelan tindakan berkenaan juga, katanya, ia bermakna KPT menyasarkan pengajaran subjek wajib IPTA dilakukan dalam bahasa Melayu.

"Ini adalah satu ruang penting yang menuntut penggunaan bahasa Melayu secara tersusun. Selain itu, dicadangkan supaya lulus subjek Bahasa Melayu peringkat komunikasi asas menjadi syarat graduasi bagi pelajar prasiswazah antarabangsa.

"Melalui pendekatan seperti ini, kita bukan sahaja memaparkan keseriusan dalam mengangkat penggunaan bahasa Melayu yang baik, malah akan mengembangkan kelompok penuturnya di samping berpeluang menunjukkan keindahan bahasa Melayu kepada orang luar.

"Dalam memastikan pelaksanaan saranan ini bersifat praktikal, saya menyarankan semua IPTA memikir dan melihat secara serius kaedah atau pendekatan yang terbaik serta bersesuaian dengan institusi

masing-masing," katanya.

Susulan usaha itu, Mohamed Khaled berkata, Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) juga tidak terlepas daripada menyambut dan menyokong agenda nasional berkenaan.

IPTS diminta sokong agenda

Akuinya, walaupun fokus dan operasi IPTS tidak bergantung kepada dana kerajaan, sekaligus memberikan mereka sedikit kebebasan dan kelonggaran dalam menentukan bahasa pengantar yang digunakan, namun, IPTS juga diajak membuat tindakan sama.

"Namun, IPTS sebenarnya tidak pernah terlepas daripada turut menyambut dan menyokong agenda nasional. Apatah lagi di bawah pentadbiran saya, KPT tidak membeza-bezakan IPTA dan IPTS.

"Atas dasar itu, suka saya tegaskan di sini bahawa inisiatif memartabatkan dan mengukuhkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu akan turut dipanjangkan ke IPTS secara berperingkat-peringkat.

"Kita akan mulakan dengan

beberapa langkah awal antaranya, membuka pencalonan Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu turut membabitkan ahli akademik IPTS bermula 2024," katanya.

Beliau berkata, untuk jangka panjang pula, KPT turut merancang untuk membangunkan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu di IPTS bagi memastikan usaha memartabatkan bahasa kebangsaan di sektor pendidikan tinggi akan bersifat menyeluruh, praktikal dan strategik.

"Sekiranya UIAM yang juga sebuah institusi antarabangsa beroperasi menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Arab boleh mempamerkan komitmen dan usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu, saya tidak lihat wujud alasan IPT lain untuk tidak melakukan perkara sama," katanya.

Terdahulu pada sidang media, Mohamed Khaled ketika ditanya mengenai kadar bayaran elaun sara hidup pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang dinaikkan RM100, menyambut baik usaha yang dilakukan itu.



Mohamed Khaled pada majlis pelancaran Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) 2023-2030 di UIAM, kelmarin.

(Foto Aswadi Alias/BH)

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON
TAJUK: KPT TIADA HALANGAN BENARKAN PELARIAN ROHINGYA LANJUT
PELAJARAN

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 04

TARIKH : 21/06/2023

KPT tiada halangan benarkan pelarian Rohingya lanjut pelajaran

Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tiada halangan untuk pelarian Rohingya diberi peluang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan kerana ia tidak akan mengancam kedaulatan negara.

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata isu terbabit tidak timbul kerana Malaysia sebagai sebuah negara bertamadun tidak boleh lari daripada sifat manusiawi dan ihsan.

"Tidak timbul (ancam kedaulatan), soalnya kita sebahagian daripada negara bertamadun memahami bahawa diharapkan dari negara kita untuk bantu mereka yang menjadi pelarian."

"Bagi kita, kalau ada tempat, tak ada halangan untuk beri (pelarian Rohingya sambung pengajian) kerana kalau nak masuk universiti bukan maknanya mereka macam yang kita tengok di sana," katanya pada sidang media selepas menghadiri Program Semarak Siswa MADANI, di sini semalam.

Kelmarin, Penasihat KPT, Prof Emeritus Dr. Morshidi Sirat, dilaporkan berkata pelarian Rohingya yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi, akan dapat berbuat demikian tidak lama lagi di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Peluang melanjutkan pengajian untuk pelarian itu akan di-

biayai menerusi sumbangan Dana Qatar. Untuk Pembangunan yang diterima sebelum 2020, berjumlah AS\$50 juta (RM231 juta).

Mengulas lanjut, Mohamed Khaled berkata, selain etnik Rohingya, pihaknya turut memaklumkan kepada Qatar supaya membantu pelarian lain termasuk Palestin dan Syria.

"Kita tahu masa depan dia bergantung sama ada dia boleh dapat ilmu atau tidak dan sebab itu, kita tak boleh anggap ini sesuatu (mengancam kedaulatan) kerana ini lari daripada nilai kita sebagai seorang manusia dan insan, kita langsung tak nak bantu orang, kita hanya fikir kita sahaja," katanya.



Sebahagian peserta pada majlis pengenalan pasukan disempurnakan Tun Mohd Ali.

(Foto Nazri Abu Bakar/ BH)

LTdIPT buka tirai, babit 16 pasukan

SABTU 17/6/2023 MS 47

Melaka: Le Tour de IPT (LTdIPT) 2023 akan membuka saingan apabila julung kalinya dianjurkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) membabitkan 16 pasukan bermula hari ini.

Aksi pembukaan bermula di Kolej Komuniti Segamat, Johor dan berakhir di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Putrajaya pada 20 Jun 2023.

Kejohanan berkenaan bertujuan memberi ruang kepada atlet dan pegawai Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mengenali sukan berbasikal menerusi pendedahan dan pengalaman beraksi dalam jelajah lumba basikal seperti Le Tour de Langkawi atau jelajah Malaysia.

Timbalan Setiausaha Bahagian Seksyen Sukan, Bahagian Perancangan Strategik KPT, Datuk Dr Pekan Ramli berkata, LTdIPT

juga pendedahan untuk bertanding dalam perlumbaan berbasikal yang kompetitif.

Katanya, KPT mengharapkan LTdIPT mampu membantu merencanakan pembangunan sukan berbasikal dan melahirkan pelumba-pelumba berkaliber tanah air datangnya dari IPT.

"Kejohanan anjuran dan kerjasama Universiti Teknikal Malay-

sia Melaka (UTeM) disertai pelbagai pasukan IPTA, IPTS di bawah naungan KPT.

"Saingan membabitkan empat peringkat perlumbaan dengan jarak keseluruhan sejauh 332.7 kilometer dengan nilai hadiah keseluruhan RM40,000 menjadi rebutan lebih 100 pelumba," katanya.

Majlis pengenalan pasukan disempurnakan Yang Di-pertua Negeri Melaka yang juga Canselor UTeM, Tun Mohd Ali Mohd Rustam.

Hadir sama Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh dan Naib Canselor UTeM Profesor Ts. Dr. Massila Kamalrudin.

Menurutnya, antara pasukan mengambil bahagian ialah Kolej Kemahiran Tinggi MARA Ledang, Kolej Komuniti Malaysia, Majlis Sukan Politeknik Malaysia, Multimedia University,

UIAM/UPM/UNIMAS, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi MARA dan Malaysian University Cycling Team.

Kejohanan berkenaan membabitkan empat saingan dengan peringkat pertama sejauh 96.4km dari Kolej Komuniti Segamat hingga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Melaka.

"Perlumbaan peringkat kedua membabitkan kriterium dengan jarak 60km dan disusuli peringkat ketiga dari Politeknik Port Dickson ke Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan jarak 92.8km," katanya.

12 | NASIONAL

BELASUNGKAWA

Sumbangan dan jasa Allahyarham jadi rujukan dan akan sentiasa diingati

Oleh NURFARDLINA IZZATI MOKTAR SHAH ALAM

Negara kehilangan seorang tokoh akademik dan pendakwah di Malaysia yang menyumbang kepada gagasan dan idea Fiqh Malaysia berikutan pemergian Profesor Datuk Dr Mahmood Zuhdi Abdul Majid yang menghembuskan nafas terakhir pada Sabtu.

Beberapa anak murid Mahmood Zuhdi memuat naik hantaran di Facebook berkongsi kisah bersama Allahyarham yang mengangap beliau seorang pendidik yang disegani malah menyumbang banyak jasa dalam membangunkan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) sebagai institusi pengajian Islam yang tersohor.

Seorang pemilik akaun Facebook dikenali Abdel Rahmanov berkongsi pengalamannya menuntut ilmu dengan Mahmood Zuhdi semasa pengajian ijazah sarjana di APIUM.

"Kami pelajar APIUM lebih

gemar memanggil beliau dengan panggilan Datuk Mood atau Tok Mod. Cara Tok Mod ialah beliau tidak gemar minda pelajar dikongkong oleh kitab-kitab lama.

"Menurut Allahyarham, kita perlu berani berijtihad sebab kita berada pada alaf baharu dan geografi yang baharu.

"Sebab itu lahir acuan Tok Mod bernama Fiqh Malaysia. Idea ini bukan perkara baharu sebenarnya sebab saya melihat idea beliau lebih kurang seperti minda Sheikh Yusuf al-Qaradawi yang mengajak kepada pembaharuan Fiqh," ujarnya.

Abdel Rahmanov menyatakan cara Mahmood Zuhdi mengajar berbeza dengan pensyarah lain kerana Allahyarham menggesa pelajar berfikir sebagai sarjana dan bukannya menelan bulat-bulat setiap perkara yang diajar oleh guru.

"Bagaimanapun, saya lihat beliau tetap menghormati pandangan hukum ulama-ulama lain walaupun ia jauh berbeza dengan pandangan beliau dan itu



ALLAHYARHAM MAHMOOD ZUHDI

satu sikap yang perlu kita ikuti.

"Kini Tok Mod telah pergi dengan meninggalkan jasa yang cukup banyak. Moga beliau ditempatkan bersama orang beriman dan beramal soleh," katanya.

Selain itu, pemilik akaun Facebook bernama Wan Azimin Lawyer menyatakan hasil didikan Allahyarham yang menggerakkan hatinya dan rakan-rakan lain untuk menyambung pengajian peringkat sarjana apabila tamat belajar di peringkat sarjana muda selain membina kerjaya sebagai peguam syarie dan hakim syarie.

Mahmood Zuhdi, 78, menghembuskan nafas terakhir di kediamannya di Seksyen 11, Petaling Jaya, akibat kanser paru-paru.

Jenazah beliau selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara, Kuala Lumpur pada jam 11.30 pagi, Ahad.

Allahyarham meninggalkan isteri, Datin Paizah Ismail dan tiga anak, Ahmad Naji, 48, Ahmad Syadi, 45, serta Ahmad Wafi, 41.

Sumbangan Mahmood Zuhdi sentiasa menjadi rujukan dan diingati bagi seluruh pakar, pendakwah serta rakyat Malaysia terutama dalam bidang berkaitan agama dan syariah.

Allahyarham menjadi Pengerusi Majlis Dakwah Negara (MDN) sejak 2016 dan juga menggalas beberapa tanggungjawab besar sepanjang hayatnya seperti Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Kelantan (1990-2012), Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Kelantan (1990-2012), Ahli Lembaga Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (2006-2012).

Allahyarham pernah menjadi Felo Penyelidik Bersekutu Universiti Malaya (UM) dan di-

PROFIL MAHMOOD ZUHDI

Nama: Profesor Datuk Dr Mahmood Zuhdi Abdul Majid

Usia: 78 tahun

Kelahiran: Kota Bharu, Kelantan

Pendidikan:

- Memperoleh pelbagai ijazah berkaitan syariah dari dalam dan luar negara.
- Ijazah Sarjana Muda Syariah dari Universiti Al-Azhar.
- Ijazah Sarjana Muda Pengajian Asia Tenggara dari University of Kent di England.
- Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Syariah dari Universiti Malaya.

Antara jawatan dipegang:

- Felo Penyelidik Bersekutu Universiti Malaya.
- Pengerusi Majlis Dakwah Negara (MDN).
- Profesor emeritus di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Dekan di Fakulti Syariah Universiti Malaya dari tahun 1985 sehingga 1990.
- Pengarah di Akademi Pengajian Islam di Universiti Malaya daripada 1995 sehingga 2003.
- Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Kelantan (1990 - 2012).
- Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Kelantan (1990 - 2012).
- Ahli Lembaga Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (2006 - 2012).
- Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) (2004 - 2013).
- Pesuruhjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) (2010 - 2016).
- Pengerusi Majlis Dekan Pengajian Islam Malaysia (2012 - 2014).

Antara buku diterbitkan:


- 'Ke arah Merealisasikan Undang-undang Islam' di Malaysia (1998).
- Pentadbiran Undang-undang Jenayah Islam Malaysia (1999).
- Wakaf dan Pelaksanaannya di Malaysia (2000).
- Ulama Penggugat Zaman (2004).

Antara artikel yang ditulis:

- Fiqh Malaysia: Konsep dan Cabaran (2000).
- Peranan Zakat Dalam Pembangunan Ummah (2002).
- Teori Politik Islam: Memahami Siasah Syariah (2003).

Anugerah:

- Anugerah Perdana Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan pada 2010.



Jenazah Allahyarham Mahmood Zuhdi disembahyangkan di Masjid Tun Abdul Aziz (Masjid Bulat), Seksyen 14, Petaling Jaya sebelum dibawa ke Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara, Kuala Lumpur pada Ahad.

anugerahkan Profesor Emeritus pada 2011.

Allahyarham juga seorang penulis berbakat, telah menerbitkan beberapa buku syariah selama beberapa tahun.

Anak pertama Allahyarham, Ahmad Naji berkata, kanser paru-paru yang dihidap bapanya hanya disedari sejak November tahun lalu ketika sudah berada di peringkat akhir penyakit tersebut.

"Bapa menerima rawatan daripada Pusat Perubatan Universiti Malaya bagi menjalani rawatan seperti kemoterapi dan adik saya juga kerja di situ, jadi beliau yang uruskan semua.

"Bapa saya sebelum meninggal seperti biasa, minggu lepas macam tak sedar sangat sebab ketika itu keadaannya sudah teruk," katanya.

Sementara itu, Perdana

Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan ketokohan Mahmood Zuhdi sebagai ilmunan yang tiada galang ganti.

Menurutnya, selaku Pengerusi MDN, Allahyarham bukan sahaja banyak menabur bakti dalam memperkasakan syiar Islam malah, sentiasa melahirkan pemikiran dan idea bernas menyentuh aspek sosial, ekonomi serta isu semasa.

Anwar turut mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham.

"Mendoakan agar roh Allahyarham ditempatkan dalam kalangan mereka yang beriman dan beramal soleh," kata Anwar menerusi catatan di Facebooknya pada Ahad.

Al-Fatihah buat Mahmood Zuhdi, semoga rohnya ditempatkan dalam kalangan para solihin.

PENGHAMBAAN & TAKWA

Ukuran kemuliaan di sisi Allah

Nor Asree
Mohd Noh

Kisah seorang
rasul mulia dan
keluarganya
diabadikan oleh
Allah SWT
dalam al-Quran
kerana
pengorbanan
ditunjukkan
mereka dalam
membuktikan
sifat
penghambaan
dan takwa
terhadap
perintah Rabb
Jalil



emuliaan seseorang diukur dengan tahap kepatuhan dan ketaatan dirinya terhadap Allah SWT. Tidak kira sebesar mana jawatan seseorang mahupun sebaliknya, jika konsep penghambaan dan takwa yang didasari dalam diri, maka ia adalah perkara yang disukai oleh Sang Pencipta.

Allah SWT berfirman: "Maha Suci Allah, yang telah memperjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada suatu malam dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa yang Kami berkati sekelilingnya agar Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda (kebesaran) Kami. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui." (Surah al-Isra': 1).

Dalam ayat al-Isra' ini, Allah menggunakan perkataan 'abdun' atau hamba yang merujuk kepada Nabi Muhammad SAW ketika memperjalankan baginda dalam peristiwa Israk dan Mikraj.

Al-Quran tidak menggunakan perkataan nabi atau rasul atau Muhammad sekalipun.

Hal kerana kedudukan seorang hamba ini sebenarnya lebih 'dipandang' Tuhan. Walaupun hamba sinonimnya dengan sifat hina, rendah, miskin, kotor dan lainnya, akan tetapi pengakuan diri seseorang hamba akan jurang perbezaan antara hamba dengan Tuhan inilah yang menjadikan dirinya terasa rendah, kotor serta hina di sisi Tuhan.

Lalu, secara automatik dia telah mengiktiraf bahawa terdapat zat Maha Esa yang Maha Mulia, Maha Tinggi, Maha Kaya yang mentadbir dirinya. Maka, perbezaan ini menjadikan semakin tinggi sifat penghambaan seseorang terhadap Tuhannya, maka semakin tinggi kemuliaannya di sisi Tuhan.

Begitu juga, sifat takwa. Allah sesekali tidak menghukum dan menilai seseorang berdasarkan apa telah ditetapkan oleh-Nya seperti warna kulit, rupa, keluarga, latar belakang keturunan, budaya dan lain-lain, tetapi mutu diri dalam menggapai takwa sahaja yang akan diukur bagi menentukan martabat hamba di sisi-Nya.

Antara makna takwa selain daripada memelihara diri daripada tergelincir dalam kancang maksiat ialah juga memelihara hubungan yang baik dengan Allah itu sendiri. Firman Allah 'Azza wa



KETAKWAAN serta kepatuhan seseorang Muslim mengangkat darjatnya di sisi Allah SWT.

Jalla: "Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa serta bersuku-suku supaya kamu saling (kenal-mengenal) antara satu dengan yang lain).

Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal." (Surah al-Hujurat: 13).

Kisah seorang rasul mulia dan keluarganya diabadikan oleh Allah SWT dalam al-Quran kerana sebuah pengorbanan yang ditunjukkan mereka dalam membuktikan sifat penghambaan dan takwa terhadap perintah Rabb Jalil.

Dalam sirah, sebaik sahaja Nabi Ibrahim AS dan Hajar AS dikurniakan anak lelaki, Nabi Ismail AS, Allah SWT memerintahkan baginda membawa isteri serta anaknya bermusafir jauh ke Makkah. Lalu, baginda meninggalkan mereka berdua di sana, tanah yang tandus dan gersang dengan tiada tumbuhan.

Peristiwa ini dirakam oleh Allah SWT dalam firman-Nya: "Ya Tuhan kami, sesungguhnya aku menempatkan sebahagian zuriat keturunanku di lembah yang tidak mempunyai tumbuh-tumbuhan dekat rumah Engkau (Baitullah) yang dihormati, ya Tuhan kami (yang demikian itu) agar mereka mendirikan solat, maka jadikanlah hati sebahagian manusia cenderung kepada mereka dan berikanlah rezeki (untuk) mereka daripada buah-buahan, mudah-mudahan

mereka bersyukur." (Surah Ibrahim: 37).

Dalam ayat ini, dapat dilihat sifat penghambaan dan takwa Nabi Allah dan keluarga terhadap perintah Allah SWT. Disebut dalam riwayat sirah bahawa isterinya, Hajar AS ketika ingin ditinggalkan oleh Ibrahim AS, beliau sempat bertanya mengenai tindakan suaminya yang dilihat pada awalnya seperti perkara tidak masuk akal.

Hal ini kerana tempat yang dihuni oleh manusia dan tidak mempunyai sebarang tumbuhan mahupun makanan yang secara logik akal tidak munasabah dan mustahil untuk kekal di sana dalam tempoh lama.

Sebaik sahaja beliau bertanya mengenai adakah perbuatan tersebut arahan dan perintah daripada Allah SWT dan Ibrahim AS mengiakkannya, barulah beliau pasrah tanpa sebarang keluhan serta yakin bahawa Tuhan sesekali tidak akan mensiakan diri dan keluarganya. Fitrah seorang ayah pasti juga akan berasa berat dan sedih dalam berbuat demikian.

Kebiasaannya seorang perempuan yang bersifat lemah berbanding lelaki, tambahan pula anak yang masih kecil diletakkan di tempat begitu, yang mungkin mengundang pelbagai bahaya, seperti disamun oleh perompak padang pasir, dimakan binatang buas dan sebagainya.

Diuji lagi dengan keadaan sekeliling yang panas tanpa tumbuhan, menjadikan Hajar AS berusaha dengan berlari-lari anak untuk menyelamatkan anak dan dirinya untuk terus bertahan di sana.

Maka, demi Allah yang

mengangkat darjat mereka, Allah dengan ketetapan-Nya telah menjadikannya sebagai sejarah untuk ditatapi oleh semua orang Islam, yang juga didikan rabbani buat keluarga Nabi Allah Ibrahim AS ini. Kepatuhan dan ketaatan mereka dapat dijadikan pengajaran buat seluruh Muslimin.

Patuh dan taat adalah suatu elemen tunjang dalam Islam berkait rapat dengan sifat penghambaan dan takwa apabila hamba hakiki tidak mempersoalkan perkara bersifat ta'abbudi atau peribadatan telah 'diwartakan' oleh Allah SWT, yang hanya bergantung pada keimanan dan kepercayaan yang jitu dalam diri seseorang.

Oleh itu, umat Islam perlu mendalami al-Quran dan hadis sebaik-baiknya, seiring dengan ilmu lain seperti ilmu sirah supaya mereka dapat melihat cara orang soleh terdahulu, dalam kalangan nabi AS, sahabat RA dan lain-lain; terlebih awal dibentuk peribadi mereka dengan dugaan dan ujian berat yang adakalanya keluarga sendiri menjadi penentang dalam mengembangkan agama.

Di samping itu, ia perlu diselangi dengan carian dan penggalian hikmah di sebalik peristiwa demi peristiwa berlaku dan juga perkara lain dalam agama yang ditetapkan oleh syariat terutama dalam menepis pelbagai cabaran hari ini seperti ajaran songsang yang cuba mengganggu gugat akidah seseorang.

Penulis Pensyarah Ketua
Jabatan Bahasa dan
Wajib Universiti Pusat Asasi
dan Pengajian Umum Universiti
Melaka (Unimel)